Susunan Masyarakat Islam

Bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan tiba tidak lama lagi itu, kita sajikan disini khutbah hari raya yang telah disusun oleh al-Fāḍil al-Ustadh Muḥammad ‘Alī al-Ḥamīdī Jakarta. Mudah-mudahan panduannya yang menghidupkan roh keislaman itu, akan meliputi sekalian Ikhwanul Muslimin dalam saat yang berbahagia ini. P.Q.

(Oleh: Muḥammad ‘Alī al-Ḥamīdī)

Al-Ḥamdu Allāhī allādhī ja‘ala al-a‘yādi musammā li al-khayrāt. Wa ja‘alana mā fī al-arḍi jamī‘an li al-‘imārati wa zar‘i al-hasanāt. Wa ashhadu al-lāilāha illā Allāh waḥdahu lā sharīka lahu khāliq al-arḍi wa al-samawāt. Wa ashhadu annā sayyidinā wa mawlānā Muhammadan a‘buduhu wa rasūluhu al-dā‘i ilā dīnuhu bi awḍaḥi al-bayyināt. Allāhumma ṣalli wa sallim wa bārik ‘ala sayyid al-kā’ināt, nabiyyinā Muhammad wa ‘alā ālihi wa aṣhābihi wa al-tābi‘īni al-mujtahidīni li naṣrati al-dīn wa azalati al-munkarāt. Ūsīkum ‘ibada Allāhu wa iyyaya bi al-taqwā Allāhu fainnahā khairu libāsan al-mu’minīna wa al-mu’mināt.

Saudara-saudara sekalian.

Kita menyambut hari raya yang mulia ini dengan takbir dan tahmid. Kita syiarkan kebesaran Allah, kita syukuri rahmat Ilahi.

Beberapa ratus juta umat Muhammad dari timur sampai ke barat, dari utara sampai ke selatan, sama-sama menyambut hari ini dengan syukur dan sukaria. Gemuruh bunyi tahmid dan takbir beratus-ratus juta Muslimin dan muslimat itu, memenuhi suasana, meliputi seluruh alam yang besar ini. Sama-sama dan serentak mengucapkan kalimah suci dengan insaf dan tadbir (memahamkannya dengan bersungguh-sungguh N.P.).

Allāhu Akbar! Maha Besar Allah, yang telah membentangkan bumi yang subur ini tempat kita hidup berkampung halaman. Maha Besar Allah! Yang telah melengkungkan langit yang biru laksana atap melindungi kita, berhias dengan bulan dan bintang yang gemerlapan. Maha Besar Allah! Yang menciptakan matahari yang menyinari kita sekarang ini dengan sinarnya yang penuh berisi syarat-syarat kehidupan makhluk. *Allahu Akbar!* Maha Besarlah Allah!

Sesungguhnya tidak semua orang boleh membesarkan Tuhan dan mensyukuri Ilahi, walaupun mereka itu mandi dalam kekayan dan kesenangan dunia. Tidak semua orang boleh merasai kelazatan bertakbir dan bertahmid pada hari ini dengan erti yang sepenuhnya, walaupun zahirnya mereka turut berhari raya dan bersuka ria. Sebab kelazatan takbir dan tahmid itu tak dapat dicapai dengan wang beribu, akan tetapi hanya dapat dicapai oleh tiap-tiap hamba Allah yang sentiasa berhubung dengan Ilahi dengan jalan ibadah yang ikhlas dan sudah tertentu pula

rukun kaifiyyatnya. Kelazatan bertakbir dan bertahmid, berkehendak kepada perhubungan rohani yang suci murni, kepada pertalian batin yang langsung antara makhluk dengan Khaliknya.

Ibadah puasa yang telah sama-sama kita amalkan sebulan Ramadan ialah salah satu dari alat-alat yang menghubungkan pertalian rohani antara kita dengan tuhan.

Mudah-mudahan puasa kita telah diterima oleh *Allāh Subhāhu Wa Ta'ālā* sebagai ibadah yang khusus dan ikhlas, lebih suci sifatnya daripada sekadar menahan lapar dan dahaga sahaja, sebagaimana yang diperingatkan oleh junjungan kita Nabi Muhammad *Ṣalla Allāhu 'alayhi wa Sallam:*

Rubba ṣā'imi ḥiẓẓahu min ṣiyāmihi al-ju'u wa al-'aṭash (Ibn Khazīmah wa al-Hakam).

Ertinya: "Berapa banyak dari orang-orang yang berpuasa yang dia tidak mendapat daripada puasanya itu selain daripada lapar dan dahaga."

Mudah-mudahan puasa kita itu dapat membersihkan diri kita dari sifat-sifat yang tidak baik, dapat menguatkan dan mengukuhkan ruh dan semangat kita, supaya kita sampai kepada darjat orang yang takwa, sebagaimana yang dimaksudkan oleh firman Allah:

Yā ayyuhā al-ladhīna āmanū kutiba 'alaykum al-ṣiyamu kamā kutiba 'alā al-ladhīna min qablikum la'allakum tattaqūn.

Ertinya: "Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu puasa, sebagaimana telah diwajibkan atas mereka sebelum kamu, supaya kamu bertakwa."

Saudara-saudara kaum Muslimin.

Supaya bertakwa! Sebab: hanya dengan bertakwa inilah kita sebagai manusia boleh memegang pangkat khalifah Tuhan yang telah diberikan kepada kita itu, di atas satu dunia yang penuh dengan rahmat dan nikmat *Ilahī*, sebab saudara-saudara! semua nikmat dan rahmat Tuhan boleh menjadi bala, boleh menjadi bencana, apabila jatuh ke tangan satu orang yang tidak tahu bertakwa.

Semua kepandaian manusia dan kekayaan dunia akan menjadi satu rahmat, memberi keselamatan dan kemakmuran, apabila sampai ke tangan umat yang salih, yakni yang patuh dan layak menerimanya, cukup cekap mempergunakannya sebagaimana mestinya.

Yang kita namakan nikmat dan rahmat itu boleh menjadi pokok persengketaan, menerbitkan rompak rampas, menjadi bala dan bencana, ujian dan percubaan, sebagaimana yang diderita sekarang oleh sesama manusia di seluruh dunia.

Wa qata'nā hum fī al-arḍi a'mamā minhum al-ṣalihūna wa minhum dūni dhālika wa balaunāhum bi al-hasanāti wa al-bayyi'ati la'allahum yarji'ūn. (168, Al-A'raf)

Ertinya: "Dan kami payahkan mereka di dunia dalam beberapa umat setengah dari mereka bersifat salih dan setengahnya tidak, dan kami datangkan percubaan dan bala atas mereka dengan berupa kebaikan dan kejahatan, supaya mereka itu kembali."

Saudara-saudara kaum Muslimin.

Junjungan kita Nabi Muhammad (SAW) telah bersabda: "Dunia ini ialah ibarat satu kebun yang dihiasi dengan lima perhiasan, iaitu (1) ulama, (2) keadilan amir-amir (ketua pemerintahan), (3) amanahnya saudagar-saudagar, (4) ibadatnya hamba-hamba Allah, (5) taatnya pekerja-pekerja kepada peraturan."

Perhiasan pertama, ilmu orang cerdik pandai tentang keduniaan, menunjukkan kepada kita bagaimana cara dan jalannya supaya "kebun dunia" ini memberi faedah sebesar-besar manfaat. Ilmu orang alim tentang keagamaan memimpin kita ke jalan yang lurus, mengajar kita membezakan hak (perkara yang benar) dari batil (perkara yang salah), yang tidak selamanya

dapat dipisahkan dengan semata-mata pancaindera dan akal manusia.

Perhiasan yang kedua ialah *"'adil al-umarā'"* (keadilan amir-amir) keadilan ketua-ketua tempat memulangkan tiap-tiap urusan. Ketua-ketua yang adil berani menyalahkan apa yang salah, membenarkan apa yang betul, ketua-ketua yang sanggup menjadi pembela bagi si lemah, menjadi penghukum atas si kuat pelanggar hak, dengan tidak pandang memandang dan pilih memilih.

Perhiasan ketiga ialah *"amanah al-tijār"* yakni amanah saudagar-saudagar, kepercayaan orang yang telah bertanam atas dirinya, amanahnya ahli perniagaan yang timbangan pikulnya tetap seratus kati.

Perhiasan keempat ialah *"'ibādah al-'abīd"*, ibadah hamba-hamba Allah yang khusyuk dan ikhlas, ibadah hamba-hamba Allah yang selain daripada bekerja bertitik peluh, boleh pula berdoa dan beribadat kepada Ilahi.

Perhiasan yang kelima, ialah *"naṣīḥah al-muḥtarifīn"* yakni rapi dan taatnya kaum pekerja menjalankan pekerjaan masing-masing menurut anggaran dan disiplin yang sudah ada.

Saudara kaum Muslimin.

Akan beruntunglah salah satu umat yang ada dalam lingkungannya alim ulama' dan orang-orang cerdik pandai yang memberi penerangan dan sentiasa mengawasi serta memimpin kaum awam jangan tersesat ke lembah kebatilan.

Akan aman dan damailah salah satu masyarakat, selama ada ketua-ketua dan amir-amir yang menjalankan keadilan, supaya si lemah jangan tertindas, dan supaya si kuat jangan bermaharajalela.

Akan bertambah majulah *iktisaḍ* salah satu golongan selama saudagar-saudagarnya bersifat amanah, ahli perniagaan yang mencari untung dengan jalan yang halal, mendapat kepercayaan dari segala pembeli.

Akan bertambahlah "kekuatan batin" salah satu kaum, bertambahlah lengkap senjata rohani salah satu kaum, selama anggota-anggota kaum itu, ahli ibadah yang khusuk kepada Allah, punca dari sikap kekuatan zahir dan batin.

Akan bertambah berbekaslah hasil usaha salah satu kaum yang ahli pekerjaannya menurut peta yang tertentu, menurut aturan peraturan yang rapi.

Demikianlah susunan masyarakat, yang diibaratkan oleh junjungan kita Nabi Muhammad (SAW) dengan satu taman yang indah, penuh dengan perhiasan yang molek dan permai itu.

Akan tetapi! Saudara-saudara! Dalam pada itu kita diperingatkan oleh Rasulullah (SAW):

"Maka datanglah iblis dengan bendera lima macam, Datanglah dia membawa bendera hasad ditanamkannya di sebelah alim ulama. Datanglah dia membawa bendera *jurun* (kezaliman). Dipanjangkannya di sebelah keadilan umara' atau ketua-ketua. Datanglah dia membawa bendera riak, dikibarkannya disamping ibadat ahli ibadat. Datanglah dia membawa bendera khianat, disisipkannya pula di sebelah amanah ahli dagang. Datanglah dia membawa bendera angkara, dipasangnya disebelah ketaatan pelerja-pekerja.

Saudara-saudara kaum Muslimin.

Betapakah nasibnya satu umat, apabila alim ulamanya bersifat hasad, apabila ilmu agama dipakai penipu orang awam; apabila kepandaian keduniaan digunakan bagi membuat bom atom dan gas beracun.

Bagaimanakah untung salah satu bangsa apabila ketua-ketuanya yang memegang kendali kekuasaan menggunakan kemegahannya bagi menindas hak si lemah.

Bagaimanakah nasibnya salah satu kaum, apabila anggota-anggotanya meninggalkan ibadah, bagaimanakah apabila ibadah mereka dicampuri dengan riak, yakni sekadar pemikat perhatian ramai, supaya dilihat oleh orang banyak, bukan semata-mata mengharapkan keredaan Allāh Subḥānahu wa Ta'āla.

(sambungan pada muka 43)

(sambungan dari muka 12)

Betapakah akan bermaharajalelanya tipu daya, apabila kaum saudagar sudah bersifat khianat, timbangan dan dacingnya sudah menipu, sukatan elanya sudah mencuri.

Betapakah banyaknya korban tenaga yang hilang sia-sia, apabila pekerja-pekerjanya hanya menurut kemahuan masing-masing, angkara dari aturan yang sempurna, tak mahu menghiraukan adakah teman sejawat yang tersinggung, kerana perjalanannya melanggar aturan.

Saudara-saudara kaum Muslimin.

Manakala mudah berlaku yang demikian itu, nescaya kebun yang indah permai tadi, yang tadinya ditumbuhi oleh tanaman-tanaman yang berbuah lazat, yang dihiasi dengan bermacam-macam bunga pelbagai warna, akan menjadi hutan belukar, ditumbuhi oleh lalang panjang, tempat bersarang binatang buas dan ulat berbisa.

Saudara kaum Muslimin.

Ibarat seseorang tadi yang bercucuk tanam, maka hari ini sudah datang saatnya kita berhenti seketika, bagi menoleh sekeliling kita.

Mari sama-sama kita periksa, apakah masyarakat kita ini sudah ibarat taman yang indah permai, yang lengkap dihiasi dengan perhiasan-perhiasan yang lima jenis itu. Atau adakah masyarakat kita sekarang sudah menjadi hutan belukar, kerana sudah berhasil ikhtiar si iblis menyebarkan benih hasad, benih kezaliman, benih khianat dan angkara, dan lain-lainnya itu.

Semua kita masing-masingnya menanggungjawab atas nasibnya pergaulan hidup kita, semua kita tertuntut memahamkan sabda junjungan kita ini:

Kullukum rā'in wa kullu rā'in mas'ūlun 'an ra'yatihi. (al-Bukharī wa Muslim).

Ertinya: "Tiap-tiap seorang kamu itu pemimpin, dan tiap-tiap pemimpin itu akan ditanya tentang pimpinannya."

Saudara-saudara kaum Muslimin.

Tadi sebelum kita berangkat ke tempat ini, pakaian zahir kita bersih, kita sudah mandi dan berlangir, kita sudah menyucikan jasad kita dari kekotoran, menukar pakaian kita, pakaian yang lama dengan yang baharu.

Maka pembersihan badan dan jasmani kita, penukaran pakaian zahir kita, sudahlah cukup sempurna bagi menyambut hari raya yang mulia ini.

Tetapi bagaimanakah keadaan rohani kita? Bagaimanakah pakaian kebatinan kita?

Kita semua hadir di sini, boleh menentukan tempat masing-masing dalam pergaulan hidup. Ada yang masuk alim ulama, cerdik pandai, ada yang masuk bilangan saudagar pencari rezeki yang halal, ada yang masuk golongan pimpinan dan ketua yang bertanggungjawab, ada yang masuk kaum pekerja.

Marilah kita periksa bersama-sama pakaian batin kita masing-masing. Barangkali ada yang patut ditukar dan diperbaharui. Marilah kita sekarang, membaharui pakaian batin, menukar pakaian kedua kalinya!

Kalau kita dalam golongan alim ulama, dan arif bijaksana, maka hendaklah kita ketahui, bahawa seseorang yang mempunyai ilmu itu, mempunyai perkakas dan alat yang cukup untuk membetulkan umat dan juga untuk menyesatkan.

Oleh itu marilah kita tinggalkan pakaian hasad, sekiranya ada melekat pada diri kita, ditukar dengan pakaian siddiq, lurus.

Kalau kita mengerjakan ibadat, maka marilah kita lekas-lekas buangkan pakaian riak, mengharapkan perhatian manusia, supaya kita kenakan pakaian ikhlas yang mengharapkan keredaan Tuhan, supaya ibadat kita tidak

sia-sia.

Kalau kita ahli perniagan, marilah kita membuka pakaian khianat, sekiranya ada, kita tukar dengan pakaian amanah, yang lebih kekal dan lebih memberi manfaat.

Sekiranya kira dalan lingkungan yang memegang pemerintahan negeri, hendaklah pula kita tukar pakaian *jurun* (kezaliman) dengan pakaian keadilan.

Kalau kita kaum pekerja, marilah kita tinggalkan pakaian angkara, kita tukar dengan pakaian rapi dan tunduk kepada peraturan.

Saudara-saudara kaum Muslimin

Setelah kita mengenakan pakaian-pakaian cantik dan molek itu ada lagi satu pakaian yang tak boleh ketinggalan, yang akan mengikat pakaian yang lima itu supaya jangan terlepas dan tercicir di tengah jalan.

Pakaian ini, ialah "*al-ḥayā'*"" yakni pakaian malu.

Pakaian malu inilah yang memelihara kita daripada kekotoran yang berupa tipu daya iblis yang menggoda malu, memperlindungi kita dari berlaku zalim. Malu melindungi kita dari berlaku khianat, dan sebagainya.

Apabila pakaian malu ini tidak kita pakai, maka lekaslah pula tanggalkan pakaian kita yang molek tadi. Apabila pakaian malu sudah tanggal, maka tanggal dan jatuhlah pula kelebihan manusia dari binatang.

Idha lam tastaḥī fa'aṣna'u mā shi'tu (al-jāmi' al-saghīr).
Ertinya: "Apabila kau tak bermalu, buatlah apa yang engkau mahu."

Adapun pakaian malu, pakaian *haya'* ini, berbagai-bagai pula keadaannya. Ada yang lekas luntur, ada yang tahan panas, tahan cuci.

Malu kepada sesama manusia, ialah pakaian *haya'* yang lekas luntur. Bagusnya, hanya selama ada manusia, yang memperhatikan perangai kita. Ada pula pakaian *haya'* yang sejati, malu yang sebenar malu, malu yang tulen, yakni yang sudah dicelup dengan sejenis celupan iaitu celupan iman kepada Allah.

Celupan iman inilah yang tak boleh luntur, tahan hujan dan tahan panas! Malu kepada manusia boleh menolong selama manusia masih ada, akan tetapi malu kepada Allah, menolong kita setiap saat, kerana kita yakin bahawa walau pun kita tidak melihat Tuhan tetapi Tuhan sendiri melihat kita setiap minit dan setiap detik. Ia mengetahui apa yang kita buat, malah apa yang masih terlintas dalam hati:

Ya'lamu khā'inatu al-a'yuni wa tukhfī al-ṣudūr (19, al-Mu`min)

Ertinya: "Ianya (Allah) mengetahui khianat mata dan apa-apa yang disembunyikan oleh dada."

Pakaian malu yang tulen, pakaian malu orang-orang yang beriman, yang seharusnya kita sama-sama kenakan.

Saudara-saudara kaum Muslimin

Kita datang berkumpul di sini memakai pakaian jasmani yang bersih dan cantik. Mudah-mudahan kita sebentar lagi boleh pulang berhias dengan pakaian rohani yang suci murni, bagi memulai penghidupan baharu, dengan cita-cita baharu dan dengan semangat baharu.

Daripada hari ini, kita sambut nikmat dan rahmat Ilahi dengan sukaria, kita perteguh silaturrahim antara kita, kita hilangkan su' al-dhān, dan salah sangkan. Kita tutup kira-kira lama dan kita mulai buku baharu.

Hanya satu lagi yang jangan kita lupakan!

Ketika kelak kita sendiri merasai kelazatan kurnia Tuhan, dengan cara yang cukup dan sempurna, jangan kita lupakan bahawa banyaklah pula dari kaum kita yang fakir miskin, yang akan bertambah sedih hati mereka mengenangkan untung dan bahagia, melihat orang lain

bersukaria.

"Peliharakanlah mereka dari beredar meminta-minta pada hai ini." Demikian pesanan junjungan kita Nabi Muhammad (SAW).

Saudara kaum Muslimin.

Ketika kita melihat anak-anak kita bersuka cita memakai pakaian baharu, menderingkan wangnya sambil melompat ke sana ke mari, ingatlah kita bahawa adalah pula beratus-ratus anak-anak yang sudah kehilangan bapa, kematian ibu, yatim piatu, yang tak dapat merasai nikmat beribu bapa pada hari ini. Yatim piatu yang akan lebih teriris jantung hatinya melihat teman-teman yang lain bersorak-sorak. Marilah kita kenangkan pula nasib yatim piatu hari ini!

Dengan jalan ini meratalah pula syukur dan tahmid dalam kalangan kaum kita yang fakir miskin, daif dan lemah.

Inilah sebaik-baik cara menyambut hari raya Aidil Fitri yang dicontohkan oleh junjungan kita, Nabi Muhamad ṣallā Allāh alayhi wasallam.

Marilah saudara-saudara kita sudahi khutbah ini dengan doa: *Allahumma 'a'izza al-Islām wa al-muslimīn, wa yassiru maqāṣidduhum fīmā al-tamussūhu li iṣlāhi āmūra al-dunyā wa al-dīn. Allāhumma anṣaru min naṣri al-dīn, wa akhdhala min khadhali al-muslimīn.*

Ājʻala Allāhumma baldatinā hadhihi āmanatu muṭma'innah wa sā'iru baldāti al-muslimīn.

Rabbanā afrig 'alayna ṣabran wa thabbit aqdāmanā wa anṣarunā 'ala al-qawmi al-kāfirīn.

Rabbanā ātinā fī al-dunya ḥasanah wa fī ākhirati ḥasanah wa qinā 'adhāba al-nār.

Allāhumma igfir li al-muslimāti wa al-mu'minīna wa al-mu'mināti al-aḥyā'i minhum wa al-amwāti innaka samī'un qarīb munjību al-da'wāt. Āmin yā rabb al-ālamīn

Pengembaraan Ibnu Battutah

Dalam makalah pengembaraan Ibu Battutah yang tersiar di muka 36 (keluaran ini) ada disebutkan bahawa kitab kisah pengembaraannya itu adalah diterjemahkan oleh orientalis-orientalis barat ke dalam bahasa-bahasa Perancis, Inggeris dan Jerman.

Untuk faedah pembaca, kita turunkan nama-nama mereka: Defremery dan Sanguinetti (Perancis), Dr S Lee (Inggeris) dan von Metzik (Jerman).

Di mana tuan boleh mendapat

KAD SELAMAT HARI RAYA YANG TERBAIK?

Kita ada menyiapkan kad-kad yang terbaik bagi ahli-ahli tentera, polis orang ramai untuk dikirim kepada saudara mara mereka.

Ditanggung baik dan memuaskan semua peringkat.

Berbagai-bagai rupa dan harga.

Selain itu kita adalah penjual bermacam-macam buku cerita pengetahuan dan majalah-majalah keluaran Malaya dan Indonesia serta buku-buku dan majalah-majalah bahasa Inggeris.

Pesanlah kepada:

M.N ABDUL HAMID

327, Batu Road

KUALA LUMPUR